



**MINIT MESYUARAT KALI KE-70 MAJLIS BERSAMA JABATAN
KHAMIS, 15 DISEMBER 2022, JAM 3.30 PETANG
WEBEX LIVE**

Kehadiran : Pengerusi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman
Pengaroh Hospital
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato' Dr. Musa bin Hj. Ali
Pendaftar

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

YBrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar (Presiden)
Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar
Cik Nur Mariyam Binti Musa
Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz
Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil
Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari
Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim
Encik Syaarani Amri Bin Muhamad
Puan Hasnah Binti Hassan
Encik Nik Fakurudin Bin Nik Ali
Puan Azliza Binti Ahmad
Encik Mohd Shukur Bin Abidin

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

Puan Zanita Binti Zakaria
Timbalan Bendahari Kanan
Jabatan Bendahari

Tidak Hadir :

YBrs. Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah
Bendahari

Dr. Ngo Sheau Shi
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Ahmad Rizwan Bin Zulkharnain (Presiden)
Kesatuan Kakitangan Am USM

MINIT 1 Ucapan Aluan Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Al-Fatihah dan ucapan salam serta aluan kepada semua ahli yang hadir. YBhg. Dato' Pengerusi seterusnya memaklumkan beberapa perkara untuk perhatian makluman ahli, antaranya adalah:-

- a. Memaklumkan kepada ahli mesyuarat bahawa mesyuarat MBJ Ke-70 ini merupakan mesyuarat MBJ yang terakhir bagi tahun 2022.
- b. Encik Mohd Jalaludin bin Azizan, Ketua Penolong Pendaftar di Jabatan Pendaftar telah dilantik sebagai Setiausaha Bersama MBJ menggantikan Encik Mohd Zulkarnain Bin Mohamad Tajulariffin yang bercuti melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- c. YBhg. Dato' Pengerusi merakamkan ribuan terima kasih atas khidmat bakti Encik Zulkarnain yang telah menjalankan tugas selaku Setiausaha Bersama MBJ dengan penuh dedikasi.
- d. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui surat dari Ketua Setiausaha Kementerian bertarikh 5 Disember 2022 telah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Universiti Sains Malaysia (USM) atas kejayaan mengadakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebanyak tiga (3) kali mengikut tempoh ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2021.
- e. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan pihak Kementerian turut mengemukakan Sijil Penghargaan MBJ yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam kepada pihak USM.
- f. YBhg. Dato' Pengerusi merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada:-

1. Encik Ahmad Rizwan Bin Zulkharnain - Pelantikan sebagai Ahli Majlis Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-Pekerja Am Dalam Kumpulan Pelaksana.
2. Encik Nor Amin Bin Ahmad - Pelantikan sebagai Naib Pengerusi Gred Kejuruteraan Majlis Pihak Pekerja, Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja-Pekerja Sains & Teknologi Dalam Kumpulan Pelaksana (MBK S&T) Sesi 2022-2024.
3. Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar - Pelantikan sebagai Penolong Setiausaha Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Bagi Pekerja - Pekerja Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Minit Mesyuarat kali ke – 69 Majlis Bersama Jabatan pada hari Rabu, 13 Julai 2022, jam 2.30 petang.

Minit mesyuarat ini disahkan tanpa pindaan.

MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Ke - 69

Minit 6.2 : Minit Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian / Pusat

Majlis telah mengambil maklum aduan yang diterima oleh PKAPUSM berkaitan isu kelewatan edaran Minit Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat dan aduan berkaitan catatan minit mesyuarat yang tidak selari dan tepat sepertimana keputusan yang dipersetujui dalam mesyuarat. Pihak PKAPUSM telah memohon agar pihak pengurusan universiti dapat membuat teguran serta mengingatkan Ketua Jabatan berkaitan isu ini.

Susulan daripada perkara di atas, Majlis dimaklumkan bahawa Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa telah mengeluarkan memo arahan pematuhan Perintah Tetap Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat kepada semua Ketua Jabatan bertarikh 8 Ogos 2022.

Majlis juga mengambil perhatian saranan pihak PKAPUSM agar proses pemantauan ke atas pematuhan Perintah Tetap Mesyuarat Majlis dimantapkan dari semasa ke semasa.

YBhg. Dato' Pengerusi turut memaklumkan bahawa Pelaporan Minit Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat juga dibentangkan dalam mesyuarat Senat Universiti sebagai salah satu kaedah pemantauan ke atas Pusat Pengajian/Pusat disamping peringatan kepada Pegawai di Pusat Pengajian/Pusat secara berkala.

[Tindakan: Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa]

Minit 6.6 : Surat Pelantikan Ahli Jawatankuasa MBJ

Majlis diingatkan kembali berkaitan maklumbalas kesilapan penggunaan perkataan “*dan*” dalam klausa 4 (a) muka surat 2 di surat rasmi Pelantikan sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) kepada ahli MBJ yang baharu dilantik.

Majlis turut mengambil maklum bahawa Setiausaha MBJ telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan perkara tersebut di atas dan surat pelantikan baharu telah dikeluarkan kepada Ahli Jawatankuasa MBJ berkenaan pada 2 November 2022.

[Tindakan: Setiausaha MBJ]

Minit 6.7 : Pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Secara Bersemuka

Majlis diingatkan kembali berkaitan aduan yang diterima oleh pihak PKAPUSM berkaitan proses penilaian prestasi tanpa mengadakan sesi perbincangan antara PYD dan PPP (sama ada secara bersemuka atau tidak) dalam penghasilan SKT. Pihak PKAPUSM memohon agar proses pelaksanaan penilaian prestasi dilaksanakan secara konsisten atas prinsip ketelusan.

Majlis mengambil maklum bahawa pihak Bahagian Sumber Manusia cakna dalam memastikan prinsip ketelusan penilaian terus terpelihara dengan mengambil langkah proaktif menambahbaik sistem *Myperformance*. Melalui penambahbaikan yang telah dilaksanakan, Pegawai Yang Dinilai (PYD) perlu mengesahkan bahawa PYD telah berjumpa Pegawai Penilai Pertama (PPP) bagi berbincang mengenai prestasi perkhidmatan untuk tahun 2022. Manakala PPP juga perlu membuat pengesahan bahawa telah berjumpa PYD bagi berbincang mengenai prestasi perkhidmatan dalam tahun 2022. Sekiranya pengesahan tidak dilakukan, PPP tidak dapat meneruskan penilaian kepada markah keseluruhan PYD.

Majlis turut mengambil maklum penegasan dari pihak PKAPUSM agar pihak Universiti memberi perhatian kepada perkara seperti berikut:-

- i. Mekanisme penilaian staf yang bercuti, menjalani *attachment*, cuti bersalin dan cuti sabatikal dari segi tempoh penilaian yang diambil kira selama 12 bulan sedangkan terdapat staf yang mengikut *attachment* atau cuti sabatikal kurang dari 24 bulan.
- ii. Pemantauan di peringkat pelaksanaan atau *Operational level* SKT dapat diperkemaskan supaya pelaksanaan SKT dapat dilaksanakan mengikut fasa - fasa seperti penetapan sasaran di awal tahun, proses *revision* ke atas SKT, penambahbaikan sasaran dan bukan penilaian di akhir tahun sahaja. Proses ini penting bagi memastikan ekseseis penilaian lebih adil dan objektif.
- iii. Pihak Universiti khususnya Bahagian Sumber Manusia (BSM) perlu memperkukuhkan proses pemantauan dan melaksanakan intervensi bagi mengendalikan kes-kes PPP dan PYD yang tidak membuat pengesahan agar proses pemberian markah SKT tidak terjejas.

Majlis mengambil maklum bahawa proses penambahbaikan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pelaksanaan beberapa inisiatif penambahbaikan dalam penetapan sasaran prestasi atau KPI, peruntukan bajet dan strategi pencapaian KPI akan dijalankan melalui sesi negosiasi bersama pihak PTJ pada awal tahun 2023.

Majlis turut mengambil maklum berkaitan Hebahan Pendaftar Bil. 45 Tahun 2022 bertarikh 13 Oktober 2022 berkaitan Laporan Penilaian Prestasi (LPP) Bagi Tahun 2022 yang telah dikeluarkan kepada semua Ketua Jabatan.

[Untuk Makluman]

Minit 6.8 : Pelaksanaan Pelantikan Pensyarah Baharu Secara Kontrak

Majlis diingatkan kembali berkaitan cadangan pihak PKAPUSM agar pihak Universiti mengkaji semula pelaksanaan pelantikan Pensyarah baharu secara kontrak dan perkara berkaitan syarat dan tempoh pelantikan staf akademik secara kontrak. Pihak PKAPUSM turut memohon penjelasan berkaitan perbezaan status lantikan staf akademik kontrak secara berwaran atau tidak berwaran termasuk justifikasi terhadap perbezaan kaedah lantikan tersebut.

Majlis turut diingatkan kembali bahawa dalam mesyuarat MBJ Ke-69, YBhg. Dato' Pengerusi iaitu mantan Naib Canselor telah memaklumkan bahawa pihak universiti bercadang mengadakan sesi khas bersama ahli PKAPUSM bagi menjelaskan perkara berkaitan dasar pelantikan dan perjawatan universiti serta perancangan universiti bagi menampung keperluan sumber manusia.

Majlis mengambil maklum maklumbalas berkaitan perkara seperti berikut;

- i. Sesi khas bersama ahli PKAPUSM bagi menjelaskan dasar pelantikan berkenaan tidak sempat diadakan memandangkan tempoh pelantikan Naib Canselor telah tamat dan sesi berkenaan akan dijadualkan semula selepas proses pelantikan Naib Canselor yang baharu dimuktamadkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi.
- ii. Dasar pelantikan staf kontrak ini merupakan arahan yang dikeluarkan oleh KPT pada tahun 2021 agar tiada lantikan tetap bagi pengambilan Pensyarah baharu.
- iii. Pihak YBhg. Dato' Dr Musa Ali telah mengadakan sesi perjumpaan bersama Dekan - Dekan dari beberapa Pusat Pengajian yang besar dan dikenalpasti menerima kesan daripada lantikan kontrak.
- iv. Dasar pelantikan secara kontrak ini akan diteruskan dan telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Govenor Universiti (LGU) bagi memastikan emolumen universiti tidak menghadapi masalah.
- v. LGU turut bersetuju dengan cadangan pelantikan Pensyarah secara tetap sekiranya Pensyarah berkenaan mencapai ke gred 54 dan seterusnya bagi Pensyarah Senior masih kekal dengan lantikan secara kontrak. Pihak Universiti akan membuat hebahan dan mengadakan sesi bersama Dekan - Dekan bagi memberi penerangan berkaitan dasar ini.

[Untuk Makluman]

Minit 6.9 : Pemansuhan Sistem Kehadiran Kerja Staf (SKKF)

Majlis diingatkan kembali berkaitan usul yang dibawa oleh pihak PKAPUSM berkaitan cadangan pemansuhan sistem SKKF kepada staf akademik dan tempoh

pelaksanaan penggunaan sistem sama ada digunakan secara berterusan atau hanya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Majlis mengambil maklum keputusan penggunaan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) akan digunakan secara menyeluruh untuk staf akademik. Sistem ini akan digunakan secara berterusan sepertimana yang telah dimaklumkan dalam Mesyuarat MBJ Ke-69 pada 13 Julai 2022.

[Untuk Makluman]

MINIT 4 : PERKARA DARIPADA PIHAK MAJIKAN

MINIT 5 : PERKARA DARIPADA PIHAK PEKERJA

5.1 Perkara daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

5.1.1 Pengurusan Mesyuarat MBJ

Pihak PKAPUSM mengusulkan agar wakil PKAPUSM perlu dijemput bagi sesi perbincangan untuk menyediakan agenda MBJ sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan MBJ seperti berikut;

Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi.

PKAPUSM memaklumkan bahawa agenda MBJ kali ke-69 yang lepas telah ditolak oleh Pengerusi tanpa perbincangan bersama pihak pekerja.

Majlis mengambil maklum perkara 4.3 Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan USM dalam perkara Keahlian Pihak Pekerja yang menyatakan bahawa Setiausaha Bersama merupakan seorang (1) yang dipilih oleh ahli-ahli pihak pekerja.

Majlis turut mengambil perhatian berkaitan cadangan pihak PKAPUSM agar seorang (1) Setiausaha Bersama tambahan dari PKAPUSM dilantik bagi memastikan perbincangan berkaitan agenda MBJ lebih inklusif dan melibatkan semua kategori pekerja.

YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan berkenaan akan disemak dan diteliti terlebih dahulu sebelum pertimbangan pindaan perlembagaan berkaitan keahlian pihak pekerja dilaksanakan.

[Tindakan: Setiausaha MBJ]

5.1.2 Edaran Minit Mesyuarat MBJ

PKAPUSM mensyorkan agar pihak sekretariat untuk menambahbaik tempoh edaran minit mesyuarat berdasarkan peruntukan perlembagaan serta dimuat naik di portal rasmi MBJ. Minit mesyuarat perlu diedarkan kepada ahli dalam tempoh satu (1) bulan selepas mesyuarat dilaksanakan.

Pihak Setiausaha MBJ mengambil maklum berkenaan syor berkenaan.

[Tindakan: Setiausaha MBJ]

5.1.3 Isu Berkaitan Proses dan Kriteria Kenaikan Pangkat (Pelbagai Skim)

Pihak PKAPUSM memohon pencerahan berkaitan perkara seperti berikut;

- a. Kriteria kenaikan pangkat yang terlalu kerap berubah dan tidak berdasarkan skop dan fungsi sebenar staf di dalam skim perkhidmatan terbabit.
- b. Pelaksanaan proses iklan kenaikan pangkat secara tahunan yang tidak konsisten dan tarikh keluar iklan yang lewat.
- c. Justifikasi ketiadaan proses rayuan di dalam *flow chart* kenaikan pangkat.
- d. Justifikasi mengapa *stakeholders* tidak dilibatkan berkaitan sebarang perubahan atau penambahbaikan kriteria kenaikan pangkat skim perkhidmatan masing-masing.
- e. Kelewatan iklan dan eksekusi kenaikan pangkat tahunan bagi Guru Bahasa tahun 2022.

Majlis mengambil perhatian tentang beberapa isu proses dan kriteria kenaikan pangkat seperti yang dinyatakan di atas dan maklumbalas YBhg. Dato' Pengerusi seperti berikut;

- i. Perubahan kriteria kenaikan pangkat telah lama tidak disemak semula dan semakan kriteria berkenaan hanya dibuat pada akhir tahun 2021 bagi pelaksanaan pada tahun 2023. Berdasarkan maklumat berkenaan isu kriteria kerap berubah adalah tidak berlaku.
- ii. Terdapat penambahbaikan kriteria seperti pelaksanaan pelbagai kriteria seperti track pengajaran, *leadership* dan Klinikal yang telah dilaksanakan untuk eksekusi kenaikan pangkat yang lepas.
- iii. Sistem sedia ada turut ditambahbaik dengan memperkenalkan *track Arts & Humanities* untuk kumpulan staf yang *core business* dalam bidang seni, persembahan dan lakonan.
- iv. Kriteria kenaikan pangkat tidak diubah sebaliknya ditambahbaik berdasarkan sumbangan pelbagai kumpulan hasil maklumbalas dari sesi *engagement* dengan semua PTJ terlibat.
- v. Kelewatan iklan kenaikan pangkat tahunan berlaku disebabkan proses berkenaan mengambil masa dan perlu melalui beberapa peringkat seperti pengesahan data di peringkat PTJ disamping eksekusi kenaikan pangkat tahun sebelumnya perlu diselesaikan terlebih dahulu.
- vi. Penglibatan bersama *Stakeholders* adalah tidak melibatkan semua staf sebaliknya hanya melibatkan beberapa orang wakil dari sesuatu bidang bagi memahami sumbangan sesuatu bidang berkenaan secara lebih objektif.
- vii. Kaedah awal Penilaian kenaikan pangkat Guru Bahasa adalah berdasarkan kriteria penilaian Pensyarah, Walau bagaimanapun, selepas sesi *engagement* bersama beberapa Guru Bahasa, Dekan dan Pengerusi Rancangan dari ke semua kampus pada tahun 2021, kriteria penilaian berkenaan telah ditambahbaik berdasarkan maklumbalas hasil sesi *engagement* tersebut dan kaedah penilaian

- viii. tidak lagi menggunakan penilaian seperti Pensyarah.
Iklan kenaikan pangkat Guru Bahasa hanya akan dikeluarkan selepas sesi *engagement* atau sesi penerangan bersama Guru Bahasa dilaksanakan.

Majlis turut mengambil perhatian bahawa cadangan proses rayuan kenaikan pangkat telah dibawa oleh YBhg. Dato' Seri Pengerusi LGU ke dalam mesyuarat Lembaga dan mesyuarat LGU memutuskan bahawa tiada proses rayuan bagi kenaikan pangkat memandangkan pelbagai proses tapisan telah dijalankan dalam eksesais kenaikan pangkat.

[Untuk Makluman]

5.2 Perkara daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Cadangan Penyediaan Perkhidmatan Rehabilitasi Robotik Kepada Staf Yang Menghadapi Masalah *Mile Strok* atau *Strok* di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB)

Majlis mengambil maklum cadangan pihak KKAUSM agar perkhidmatan Rehabilitasi Robotik di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) dipanjangkan kepada staf yang menghadapi *mile strok* atau strok.

Pihak KKAUSM telah membentangkan justifikasi seperti berikut untuk pertimbangan pihak Universiti;-

- i. Perkhidmatan Rehabilitasi Robotik ini perlu dipertimbangkan oleh pihak Universiti memandangkan staf USM yang berkhidmat melebihi 4 tahun tidak lagi mendapat perlindungan PERKESO.
- ii. Dengan adanya peruntukan kewangan dari pihak Universiti maka staf dapat menggunakan perkhidmatan ini untuk kembali pulih dengan cepat, mengurangkan bebanan staf dan keluarga dari segi kewangan serta sebagai satu manifestasi sokongan pihak universiti kepada staf.

Majlis turut mengambil perhatian bahawa perkhidmatan robotik ini telah berjaya dilaksanakan hampir dua tahun khusus untuk kes - kes pencaharam yang mendaftar dengan PERKESO. Perkhidmatan ini merupakan kerjasama strategik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan USM dengan menggunakan teknologi dari Negara Jepun.

Pihak HUSM telah mengusulkan permohonan kepada pihak PERKESO agar perkhidmatan robotik ini dipanjangkan kepada staf USM dan maklumbalas yang diterima dari PERKESO adalah perkhidmatan berkenaan perlu berbayar memandangkan alat tersebut disewa beli dari Syarikat Cyberdyne Inc. dari Jepun.

Pihak Universiti akan mengkaji terlebih cadangan ini dari segi kos dan implikasi kewangan kepada pihak Universiti sebelum perkhidmatan ini dipanjangkan kepada staf USM.

[Tindakan : Pengarah HUSM]

5.2.2 Cadangan Penyediaan Elaun Perbelanjaan / Sara Diri Semasa Kursus Posbasik

Majlis mengambil maklum cadangan pihak KKAUSM kepada pihak Universiti untuk menyediakan elaun perbelanjaan/sara diri kepada staf yang sedang menjalani dan bakal menjalani kursus Posbasik.

Majlis mengambil perhatian bahawa staf yang menjalani kursus Posbasik tidak dibayar elaun perbelanjaan sara diri dan mereka dibayar emolumen bulanan. Pihak Universiti buat masa ini tidak memperuntukkan elaun bagi tujuan sara hidup bagi staf yang menjalani kursus Posbasik.

Pihak Universiti akan mengkaji cadangan ini dari segi implikasi kewangan dan lain-lain perkara yang berkaitan dan maklumbalas akan diberikan dalam Mesyuarat MBJ yang akan datang.

[Tindakan : Pengarah HUSM]

5.2.3 Permohonan Perkhidmatan Perawatan Kepada Ibu Bapa Warga Staf Di Klinik Pusat Sejahtera Kampus Induk, Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB)

Majlis mengambil maklum permohonan pihak KKAUSM agar pihak Universiti mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan perkhidmatan perawatan di Klinik Pusat Sejahtera Kampus Induk, Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan dan Pusat Perubatan USM, Bertam dipanjangkan kepada kepada Ibu Bapa warga staf.

Majlis turut mengambil maklum berdasarkan garis panduan sedia ada, Ibu Bapa kepada warga staf adalah tidak layak untuk mendapatkan rawatan di klinik dan pusat kesihatan seperti tersebut di atas.

Mesyuarat JKPU Ke-190 pada 27 Oktober 2021 telah meluluskan permohonan memanjangkan perkhidmatan perawatan kepada Ibu Bapa di Klinik Staf HUSM memandangkan di HUSM mempunyai kemudahan dari segi ruang, bajet dan staf yang mencukupi.

Pihak Universiti buat masa ini masih tidak mampu untuk melaksanakan cadangan ini di Klinik Pusat Sejahtera Kampus Induk, Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) memandangkan implikasi kewangan adalah tinggi.

[Untuk Makluman]

5.2.4 Peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)

Majlis mengambil perhatian permohonan pihak KKAUSM untuk mendapatkan maklumbalas dari pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BSM) berkenaan status peluang kemajuan kerjaya bagi staf yang telah menduduki peperiksaan KPSL dan lulus peperiksaan berkenaan.

Majlis mengambil maklum bahawa staf yang telah lulus peperiksaan KPSL masih berpeluang untuk untuk memohon jawatan lantikan yang lebih tinggi, Walau bagaimanapun, berikutan pelaksanaan dasar perjawatan universiti 2020 - 2025, jawatan - jawatan lantikan tetap masih belum dibuka.

Majlis turut mengambil maklum bahawa berdasarkan statistik BSM, kadar

staf yang lulus peperiksaan KPSL dan dinaikkan ke gred yang lebih tinggi adalah 50 peratus daripada jumlah keseluruhan yang memohon. Pihak universiti akan mengiklankan iklan kemajuan kerjaya sekiranya dasar pengambilan ini telah dibuka dan staf yang layak boleh memohon berdasarkan SOP sedia ada.

[Untuk Makluman]

5.2.5 Status Pelaksanaan Dan Syarat Permohonan Geran/Kemudahan Komputer Kumpulan Pelaksana

Majlis mengambil maklum pihak KKAUSM memohon maklumbalas dari pihak universiti berkaitan perincian syarat permohonan geran dan status pelaksanaan geran/ kemudahan komputer kepada kumpulan pelaksana sepertimana yang telah diumumkan oleh YBhg Dato Naib Canselor dalam Sesi Libatsama Naib Canselor Bersama Warga Kampus.

Majlis mengambil perhatian bahawa Majlis Teknologi Maklumat (MTM) telah bermesyuarat pada 27 April 2022 telah meluluskan pelaksanaan geran ini tertakluk kepada peruntukan kewangan pada tahun 2023.

[Untuk Makluman]

MINIT 6 : Hal-Hal Lain

6.1 Kriteria Pelantikan Profesor Kehormat Dan Kaedah Pemantauan Pencapaian KPI

Pihak PKAPUSM mengambil perhatian Majlis berkaitan kriteria pelantikan Profesor Kehormat dan kaedah pemantauan pencapaian KPI yang ditetapkan.

Majlis turut mengambil maklum bahawa pelantikan Profesor Kehormat merupakan strategi universiti untuk mengekalkan bakat sedia ada yang secara sukarela terus berkhidmat tanpa menerima sebarang imbuhan.

Proses pelantikan adalah dilaksanakan oleh Pusat Pengajian yang mencadangkan calon - calon dan dibawa kepada pihak pengurusan universiti untuk kelulusan. Kriteria dan penetapan KPI adalah ditentukan oleh Pusat Pengajian manakala Dekan Pusat Pengajian akan melaksanakan proses pemantauan KPI secara *quarterly*.

[Untuk Makluman]

6.2 Permohonan Peruntukan Kewangan Bagi Pendaftaran *Allied Health Practitioners*

Pihak KKAUSM memohon pertimbangan pihak Universiti untuk membiayai yuran pendaftaran *Allied Health Practitioners* bagi staf Jururawat yang memohon program ini. Walau bagaimanapun Majlis mencadangkan agar usul ini dibawa berbincang di peringkat Kampus Kesihatan dan selanjutnya dibawa ke peringkat pengurusan universiti seperti JKPU sebagai satu platform yang tepat dan bukan dalam Mesyuarat MBJ.

[Untuk Makluman]

6.3 Dasar Rayuan Kenaikan Pangkat

Pihak PKAPUSM memohon perhatian dan semakan berkaitan keputusan LGU yang melaksanakan dasar tiada proses rayuan bagi kenaikan pangkat kerana keputusan ini adalah bertentangan dengan dasar rayuan dalam proses kenaikan pangkat berdasarkan Seksyen 64, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010.

YBhg. Dato' Pengerusi mengambil maklum berkenaan perkara di atas.

[Untuk Makluman]

6.4 Isu Keselamatan di Bangunan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan

Pihak PKAPUSM memohon perhatian pihak Universiti berkaitan isu keselamatan di bangunan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan yang masih belum diselesaikan dan menyebabkan ramai guru bahasa masih belum dapat memasuki bilik dan turut menjejaskan aktiviti pembelajaran dan pengajaran.

[Tindakan: Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Aset]

6.5 Kenaikan Pangkat Staf

Pihak PKAPUSM memohon agar pihak Universiti memberi perhatian khas kepada peluang kenaikan pangkat kepada dua (2) orang Guru Bahasa yang bakal bersara iaitu Encik Ahmad Sofwan Nathan Bin Abdullah dan Encik Tan Hock Thye.


YBhg. Dato' Pengerusi mengambil maklum berkenaan perkara di atas.

[Untuk Makluman]

MINIT 7 : Penutup

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 petang dengan ucapan terima kasih dari YBhg. Dato' Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :



ENCIK MOHD JALALUDIN BIN AZIZAN
Setiausaha Bersama MBJ



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama MBJ USM
(Wakil Pekerja)